

12 MAR 1998

UMNO NEGERI TUBUH JAWATANKUASA BANTAHAN BANTU PROSES PEMILIHAN

JOHOR BAHRU, 12 Mac (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Johor akan menubuhkan Jawatankuasa Bantahan bagi menerima segala bantahan dan masalah berkaitan proses pemilihan pucuk pimpinan di semua bahagian dan cawangan di negeri ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Abdul Ghani Othman berkata jawatankuasa itu akan dipengerusikan Setiausaha Badan Perhubungan itu Datuk Ali Hassan yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri dan dianggotai Ketua Penerangan Umno negeri Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Bendahari Datuk Zainal Abiddin Mohammad Zin, Ketua Pemuda dan Wanita Negeri Ariss Samsuddin dan Datuk Sabariah Ahmad.

"Jawatankuasa itu juga akan bertindak menyiasat dan menilai segala bantahan yang diterima dalam sesuatu mesyuarat agar maklumat yang tepat dapat disalurkan kepada Majlis Tertinggi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Umno Johor di bangunan Umno Negeri di Jalan Air Molek di sini hari ini.

Beliau juga berkata Umno negeri akan mengadakan perhimpunan sempena sambutan ulangtahun penubuhan Umno pada 11 Mei. Perhimpunan itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BENAMA  
RAM RON